

# IoT rancak industri pasca COVID-19

## Malaysia yakin teknologi jadi kunci pendorong transformasi ekonomi global

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia percaya tumpuan terhadap Internet Kebendaan (IoT) dapat membantu merencanakan pembangunan industri pasca COVID-19 dalam sesebuah blok ekonomi.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata beliau yakin teknologi itu boleh menjadi kunci pendorong kepada transformasi ekonomi global.

"Malaysia percaya bahawa IoT adalah industri yang pesat membangun yang dapat merangsang ekonomi negara anggota. Kami yakin, ia akan menjadi pemacu utama dalam mengubah ekonomi global pasca pandemik.

"Pada masa ini, Malaysia secara aktif menerapkan industri berasaskan IoT seperti e-dagang, analisis data raya, kecerdasan buatan (AI), rantaian blok dan automasi," katanya ketika berucap pada Sidang Kemuncak Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8) Ke-10 yang diadakan secara maya, semalam.

Berkongsi apa yang sedang Malaysia lakukan, Perdana Menteri berkata, kerajaan baru-baru ini mengumumkan Pelan Halatuju Transformasi Digital yang memfokuskan pelan tindakan untuk



memperluas serta menambah baik kesalinghubungan digital.

Muhyiddin menjelaskan, pelaksanaan Jalinan Digital Negara (JENDELA) berjumlah AS\$12.7 bilion (RM52.5 bilion) bakal menjadi platform untuk mencapai aspirasi dengan mempercepat kesalinghubungan digital negara melalui penggunaan akses internet mudah alih, gentian dan tetap, sekali gus membuka jalan kepada pelaksanaan 5G.

"Kami percaya ia akan mendorong penggunaan teknologi dan transformasi digital. Ini perlu sebagai trajektori ekonomi negara," katanya sambil menambah, Malaysia juga mengakui Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Menerusi inisiatif teknologi IR 4.0, beliau berkata, kerajaan memperkenalkan Malaysia 5.0 dengan matlamat untuk menangani kebolehpasaran digital, pemasukan kewangan, produktiviti dan pertumbuhan melalui *fintech*, rantaian blok dan AI.

"Kami yakin ia akan menyum-

bang kepada ekonomi digital dan lebih mampan serta menjadi anjakan ekonomi. Sebagai strategi jangka panjang, kerajaan saya kini bekerja rapat dengan kolej dan universiti.

"Tujuannya adalah untuk membantu kolej dan universiti menghasilkan graduan yang bersedia dan relevan untuk industri ICT (teknologi komunikasi dan maklumat), pengenalan lebih topik yang relevan seperti IoT dan Analisis Data Raya ke dalam sukatan pelajaran," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan, Malaysia akan berkongsi pengalaman dengan negara anggota D8 bagi menghasilkan pendekatan bersama untuk menangani landskap global pasca-COVID-19.

Katanya, negara anggota sidang kemuncak berkenaan juga boleh mencergaskan semula ekonomi menerusi pemerkesaan beliau dari segi kemahiran digital dan memanfaatkan perniagaan, keusahawanan digital.

Sambil meminta negara anggota D8 supaya bekerjasama da-

lam menangani impak pandemik COVID-19 secara kolektif, beliau berkata, wujud keperluan mendesak untuk kerjasama bagi mempercepat pembangunan dan pengeluaran vaksin serta menjamin akses sama rata kepada keperluan berkenaan.

Muhyiddin turut mengusulkan pengiktirafan sijil vaksinasi COVID-19 timbal balik yang akan mempercepat pembukaan semula sektor paling teruk terjejas dan menegaskan, program kesihatan dan perlindungan sosial yang tepat pada masa, mempermudah negara anggota mengurangkan impak wabak berkenaan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, golongan beliau sentiasa terbahit memainkan peranan bersama-sama atau menjadi perhatian kerajaan dalam pembangunan negara, terutama dalam sektor teknologi, kandungan digital, pertanian dan pendidikan.

Katanya, Malaysia berbangga kerana bakat yang dimiliki beliau sentiasa dimanfaatkan kerajaan

dalam ketiga-tiga sektor yang memiliki masa depan cerah.

"Belia dan teknologi, beberapa minggu lalu, kerajaan saya melancarkan program direka khas untuk memperkasa belia Malaysia yang terkesan secara langsung angkara pandemik. *New Gen Entrepreneur Online Bootcamp* adalah program latihan dan bimbingan perniagaan berasaskan teknologi untuk usahawan belia. Saya yakin ia akan memberi manfaat kepada belia Malaysia dalam jangka panjang.

"Ia adalah salah satu daripada inisiatif di bawah kerajaan berjumlah AS\$4.8 bilion (RM19.86 bilion) untuk pakej rangsangan pemulihan pasca pandemik," katanya lagi.

Menjelaskan mengenai belia dan kandungan digital, Muhyiddin berkata, ia adalah industri yang akan muncul dan menonjolkan nilai sebagai kesan digitalisasi sehingga menarik perhatian golongan itu dengan industri kreatif digital yang merangkumi animasi, filem dan permainan video adalah bukti ia boleh menjadi penyumbang serta pemacu ketara untuk negara.

"Kami mempunyai gabungan bakat untuk animasi dan industri kandungan kreatif. Mereka mempunyai akses yang boleh membantu mereka tempatan memasarkan kandungan mereka kepada khalayak global," katanya.

Menyentuh peranan beliau dalam sektor pertanian, Perdana Menteri menegaskan, pembabit golongan itu menampakan peningkatan berikutan perubahan pemikiran dalam kalangan generasi muda bahawa sektor pertanian mempunyai jaminan pada masa depan.